

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2022

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
NOVEMBER 2022

3756/2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Tulis nama penuh dan kelas anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
6. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan akaun yang berkaitan bagi setiap akaun kontra berikut.

Akaun kontra	Akaun yang berkaitan
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	i.
Peruntukan hutang ragu	ii.

[2 markah]

- (b) Berikut ialah petikan Imbangan Duga Kedai Mizah.

Kedai Mizah		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Hutang lapuk	5 630	
Akaun Belum Terima	18 400	

Maklumat tambahan:

Seorang pelanggan telah mufis dan hutangnya RM750 telah dihapus kira.

Nyatakan amaun yang akan dicatatkan dalam penyata kewangan.

- i. Hutang lapuk
- ii. Akaun Belum Terima bersih

[2 markah]

- (c) Pembubaran perkongsian boleh dilakukan melalui perjanjian, perintah mahkamah atau sebab-sebab lain.

Berikan dua sebab lain sesebuah perkongsian dibubarkan.

[2 markah]

- (d) Syarikat Marissa Berhad merupakan sebuah kilang yang mengeluarkan sejenis beg sekolah di Malaysia. Kos pengeluarannya adalah seperti berikut:

	RM	
Sewa kilang	36 000	
Susut nilai mesin	6 000	
Insurans kilang	12 000	
Kos buruh langsung	4	seunit
Kos bahan langsung	12	seunit

Kos tetap diandaikan malar dan harga jualan seunit ialah RM40.

Hitung titik pulang modal dalam unit.

[2 markah]

- (e) Dokumen berikut diperoleh daripada Izzah Enterprise yang menjalankan perniagaan menjual barangan elektrik.

SALINAN		NO: 121		
INVOIS IZZAH ENTERPRISE 28 A, Jalan Air Mawang 73000 Tampin				
Kepada: Kedai Cahaya Iman , No. 24, Jalan Sungai Kuning, 73000 Tampin.				Tarikh: 10 April 2022
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
1.	Seterika Philips Model JM345R	5	380	1 900
2.	Periuk nasi Tefal Model SM601A	5	480	2 400
				4 300
Tolak: Diskaun niaga 10 %				430
JUMLAH				3 870
(Ringgit Malaysia: Tiga ribu lapan ratus tujuh puluh sahaja)				
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan: Angkutan dibayar K & K di K				
<i>Iman</i>			<i>Izzah</i>	
..... T.T.Penerima		 T.T.Pengurus	

Hitungkan diskaun tunai yang diberikan kepada Kedai Cahaya Iman jika bayaran dibuat pada 17 April 2022?

[2 markah]

- 2 Pada 1 Jun 2020 Danish dan Damia menubuhkan perniagaan D'Minish. Mereka bersetuju berkongsi niaga dengan Ikatan Perkongsian seperti berikut:
- Pembahagian untung atau rugi antara Danish dan Damia ialah mengikut nisbah modal awal.
 - Damia dibayar gaji RM6 000 setahun.
 - Faedah atas modal 5% setahun.
 - Faedah atas ambilan 3% setahun.
 - Faedah atas pinjaman mengikut Akta Perkongsian 1961. **82**

D'Minish
Imbangan Duga pada 31 Mei 2022

	Debit RM	Kredit RM
Modal: Danish		150 000
Damia		100 000
Akaun Semasa: Danish		4840
Damia	800	
Ambilan: Danish	6 000	
Damia	4 000	
Untung Kasar		296 100
Lengkapan (kos)	96 800	
Premis (kos)	190 000	
Susut nilai terkumpulengkapan		9 680
Insurans	19 500	
Sewa	58 000 + 6500	
Akaun Belum Terima	136 000	
Akaun Belum Bayar		100 500
Pinjaman: Danish (pada 1 Mac 2022)		50 000
Komisen		6 000 + 1000
Gaji pekerja	120 000	
Gaji Damia	5 000	
Inventori pada 31 Mei 2022	96 000	
Peruntukan hutang ragu		1 820
Bank		14 160
Tunai	1 000	
	733 100	733 100

Maklumat tambahan:

- 16** Sewa belum bayar RM6 500.
- Insurans dibayar setahun untuk tempoh berakhir 30 Jun 2022.
- AS** Komisen belum terima sebanyak RM1 000.
- Danish telah membawa masuk komputer milik sendiri ke dalam perniagaan bernilai RM4 200 pada 31 Mac 2022 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- Peruntukan hutang ragu adalah 1% atas Akaun Belum Terima bersih.

FAP = 50 000 x

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2022 [8 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2022 [5 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) [5 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2022 [7 markah]

- 3 Perniagaan Zakii memulakan perniagaan pada 1 Oktober 2021 dan dibantu oleh seorang pekerja dengan gaji bulanan RM1 200.

Pada akhir tahun kewangan 30 September 2022, perniagaan bercadang membuat perancangan tunai sehingga Disember 2022. Mulai Oktober 2022, beliau menjalankan aktiviti belian dan jualan secara kredit.

Imbangan Duga perniagaannya pada 30 September 2022 adalah seperti berikut:

Perniagaan Zakii		
Imbangan Duga pada 30 September 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	1 090	
Bank	68 500	
Perabot (kos)	17 300	
Susut nilai terkumpul perabot		1 730
Jualan		66 000
Belian	41 000	
Ambilan	6 000	
Belanja am	840	
Kadar bayaran	3 600	
Gaji	14 400	
Modal		85 000
	152 730	152 730

Maklumat tambahan:

- i. Belian barang niaga bulan Oktober RM48 500. Belian pada bulan November dan Disember meningkat sebanyak RM700 daripada bulan sebelumnya. 40% adalah belian secara kredit. Tempoh kredit sebulan.
- ii. Jualan meningkat 10% daripada bulan sebelumnya. Jualan secara tunai dan kredit mengikut nisbah 1:1. Tempoh kredit selama 30 hari.
- iii. Perniagaan membuat pinjaman bank RM12 000 berkadar 4% setahun diterima pada bulan November untuk tempoh 5 tahun. Bayaran ansuran pinjaman dan faedah bermula pada bulan berikutnya.
- iv. Van terpakai RM10 200 dibeli pada bulan Oktober dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM8 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama lima bulan bermula Disember 2022.
- v. Sebahagian kedai disewakan kepada Kedai Gunting Rambut Syafiq RM300 sebulan bermula bulan November 2022.

Hadis: Sewa dan...

vii. Perbelanjaan bulanan adalah seperti berikut:

Butiran	RM	Catatan
Belanja am	70	Tetap.
Kadar bayaran	300	Penggunaan elektrik meningkat sebanyak RM50 daripada bulan sebelumnya bermula Disember 2022.
Gaji	1 200	Tambahan seorang pekerja bermula Disember 2022 dengan bayaran gaji bulanan yang sama.

viii. Kadar susut nilai perabot ialah 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2022.

[25 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Cik Nasya memulakan perniagaan Busana Anggun pada 1 September 2021 di Bandar Baru Kuala Nerus, Terengganu. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunannya.

Busana Anggun
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2022

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 September 2021		80 000
Lengkapan kedai (kos)	9 700	
Kenderaan (kos)	58 000	
Akaun Belum Terima	7 200	
Akaun Belum Bayar		7 890
Bank	37 840	
Tunai	2 980	
Pinjaman bank		27 000
Jualan		97 740
Belian	64 930	
Pulangan		320
Kadar bayaran	4 950	
Gaji	15 600	
Sewa	9 600	
Faedah atas pinjaman	375 +75	
Ambilan	2 200	
Komisen		425
	213 375	213 375

6000 LS
21000 LS

Anggaran:
 $\frac{30000}{5} = 6000$

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 31 Ogos 2022 dinilai seperti berikut:

Jenis produk	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Produk A	3 450	3 100
Produk B	2 510	2 865
Produk C	2 615	2 456

1/3/22 - 28/2/23

24
25
26
27

- ii. LS Jualan belum terperoleh RM3 500
 iii. AS Kadar bayaran prabayar RM540
 iv. Pinjaman bank RM30 000, berkadar faedah 3% setahun telah diterima pada 1 Mac 2022 dan akan matang pada 28 Februari 2027.
 v. Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
 vi. Ambilan barang niaga untuk tujuan promosi RM750 telah didebitkan dalam Akaun Ambilan.

FAP = $3\% \times 30000 \times \frac{6}{12}$
= 450

vii. Susut nilai Aset Bukan Semasa ditetapkan seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kaedah susut nilai	Kadar
Kenderaan	Baki berkurangan	10% setahun

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kadar bayaran [2 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022 [9 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2022 [9 markah]

- 5 Kelab Kebudayaan Kulawangsa ditubuhkan di Lavendar Height. Setiap ahli perlu membayar yuran tahunan RM50 seorang.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Kebudayaan Kulawangsa.

	1 April 2021	31 Mac 2022
	RM	RM
Premis	70 000	70 000
Lengkapan	6 000	8 500
Simpanan tetap	5 000	5 000
Yuran belum terima	300	?
Yuran belum terperoleh	50	?

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Kebudayaan Kulawangsa bagi tahun berakhir 31 Mac 2022 menunjukkan butiran berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2022

	RM		RM
Baki b/b	2 780		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran ahli	12 800	Lengkapan	3 500
Derma	15 000	Insurans	1 200
Yuran masuk	500	Penyelenggaraan alat muzik	5 630
Sewaan Loker	2 400	Majalah dan akhbar	450
Yuran pertandingan tarian	3 850	Kadar bayaran	1 500
		Belanja pertandingan tarian	2 100
		Baki h/b	22 950
	<u>37 330</u>		<u>37 330</u>

Maklumat tambahan:

- Kelab telah menerima yuran ahli untuk tempoh perakaunan akan datang sebanyak RM200 pada bulan Mac 2022.
- Yuran ahli untuk tahun semasa belum diterima untuk 3 orang ahli.
- Belanja majalah dan akhbar yang masih belum dijelaskan adalah sebanyak RM170.
- Sewaan loker belum terperoleh RM150.
- Derma yang diterima untuk membina studio mini.
- Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli [5 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2022 [8 markah]
- Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 April 2021 [3 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022 (tunjuk bahagian dana terkumpul sahaja) [4 markah]

- 6 (a) Cik Syahfikah seorang peniaga menjual makanan kering membekalkan maklumat berikut pada 1 Julai 2022.

Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya.

	RM
Kenderaan (kos)	20 000
Alatan pejabat (kos)	3 400
Inventori	12 000
Bank	27 960
Tunai	2 510
Akaun Belum Bayar	9 830
Modal	?

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2022.

- Julai 3 Membeli barang niaga berkos RM3 250 secara kredit daripada Kedai Al Hafiz.
- 7 Menjual barang niaga berkos RM2 000 dengan tunai pada harga RM2 500.
- 13 Pemilik mengambil 100 bungkus keropok ikan RM400 untuk majlis ulang tahun anaknya.
- 18 Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 500 ke dalam perniagaan.
- 25 Membayar upah pekerja kedai dengan cek berjumlah RM1 350.
- 29 Terima komisen atas jualan berjumlah RM1 000 dengan cek

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan di Lampiran A.

[10 markah]

- (b) Pada 31 Oktober 2022, Buku Tunai Perniagaan Abbad menunjukkan baki debit bank RM24 560. Baki ini berbeza dengan baki Penyata Bank yang diterima iaitu baki kredit RM25 700.

Semakan yang dilakukan oleh akauntan syarikat mendapati perbezaan ini berpunca daripada perkara-perkara berikut.

- i. Dua keping cek yang dikeluarkan masih belum dikemukakan.

		RM
Pembekal Ammar	No. Cek: 234765	3 100
Amirul Enterprise	No. Cek: 234771	2 650

- ii. Sekeping cek yang diterima daripada Hani Enterprise belum dimasukkan ke dalam mesin deposit cek.

MAJU JAYA BANK		
	Tarikh:	3 0 1 0 2 2
BAYAR	: <u>PERNIAGAAN ABBAD</u>	ATAU PEMBAWA
RINGGIT	: <u>EMPAT RIBU TIGA RATUS</u>	RM**4 300.00**
MALAYSIA	: <u>SAHAJA</u>	
MJB 233124		<i>Hani</i>

- iii. Makluman kredit yang diterima daripada pihak bank belum direkodkan dalam Buku Tunai.

MAKLUMAN KREDIT	
BANK GEMILANG	
Jalan Pasar, 42100 Klang	Tarikh: 31 Oktober 2022
Kepada: Perniagaan Abbad No. 78 Kompleks Perniagaan Setia, 42100 Klang, Selangor.	No. Akaun: 1-5301045437-4
Sila ambil perhatian bahawa kami telah mengkreditkan akaun tuan seperti berikut:	
Ringgit Malaysia	: <u>SEMBILAN RATUS TUJUH PULUH SAHAJA</u>
Perkara	: <u>Faedah atas simpanan – RM570</u>
	: <u>Dividen – RM400</u>
RM970.00	<i>Syukri</i>
	Pengurus Cawangan

- iv. Makluman debit yang diterima daripada pihak bank belum direkodkan dalam Buku Tunai.

MAKLUMAN DEBIT	
BANK GEMILANG Jalan Pasar, 42100 Klang	Tarikh: 31 Oktober 2022
Kepada: Perniagaan Abbad No. 78 Kompleks Perniagaan Setia, 42100 Klang, Selangor.	No. Akaun: 1-5301045437-4
Sila ambil perhatian bahawa kami telah mendebitkan akaun tuan seperti berikut:	
Ringgit Malaysia	: <u>SATU RIBU DUA RATUS LAPAN PULUH SAHAJA</u>
Perkara	: <u>Insurans (Perintah sedia ada) – RM1 200</u> <u>Caj bank – RM30</u> <u>Buku cek – RM50</u>
RM1 280.00	
<i>Syukri</i> Pengurus Cawangan	

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2022 (tanpa mengemas kini Buku Tunai).

[10 markah]

- KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT -